

“UNTUK KEGUNAAN PEMANDU EZCAB SAHAJA”**KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN,**

12 Januari 2021

Tuan / Puan,

KEBENARAN UNTUK MENGHANTAR PENUMPANG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Merujuk kepada Seksyen 5, Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 (“Peraturan 2020”) yang membenarkan mana-mana premis yang menyediakan “Perkhidmatan Perlu” dibuka dengan syarat tertentu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

2. Pemandu aplikasi E-Hailing EzCab kami, di bawah EzCab Sdn Bhd, telah disenaraikan sebagai “Perkhidmatan Perlu” seperti yang dinyatakan dalam **Bil. 13** di dalam Jadual kepada Peraturan 2020 tersebut di bawah kategori **Pengangkutan Darat**.
3. Surat ini mengesahkan bahawa pembawa surat ini adalah Pemandu E-Hailing syarikat kami dan beliau telah ditugaskan untuk menjalankan Perkhidmatan Perlu yang dinyatakan di atas.

Kerjasama pihak Tuan/Puan amatlah dihargai bagi memastikan keselamatan dan melancarkan perjalanan Pemandu E-Hailing syarikat kami di dalam menjalankan tugas beliau.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi talian perkhidmatan EzCab 03-6259 2020.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,


EZCAB SDN BHD
(197870-T)

Nor Aleeshah Binti Abdullah

Executive Director, EzCab Sdn. Bhd.